

# Anggota haiwan berharga RM80 juta dirampas

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas lebih 6,000 kilogram (kg) gading gajah, tanduk badak sumbu, sisik tenggiling, taring harimau, tanduk haiwan, tengkorak haiwan dan tulang haiwan bernilai RM80 juta, minggu lalu.

Hasil operasi rampasan kira-kira jam 2.40 petang 10 Julai lalu itu yang membabitkan Pasukan Operasi Darat JKDM Zon Tengah, Unit II (Selangor) di Pelabuhan Barat, di sini, menjadi sejarah terbesar kejayaan jabatan berkenaan dalam tempoh sejak 10 tahun lalu.

Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Zazuli Johan, berkata barangan terbabit ditemukan disorok di belakang timbunan kayu bergergaji dalam salah sebuah kontena dipercayai dari Afrika.

“Pasukan Operasi Darat memantau pergerakan kapal yang membawa tiga kontena berisiko dipercayai dari Afrika dan tindakan pemeriksaan saringan menggunakan mesin pengimbas mendapati sebuah kontena disyaki membawa barang larangan.

“Hasil pemeriksaan fizikal ke atas kontena berkenaan menemukan gading gajah (6,000kg), tanduk badak sumbu (29kg), sisik tenggiling (100kg), tanduk haiwan (14kg), taring harimau serta tengkorak dan tulang haiwan (300kg) yang disorokkan.

“Ini rampasan terbesar dalam sejarah kejayaan rampasan JKDM sejak kira-kira 10 tahun lalu.



Zazuli (tengah) menunjukkan rampasan lebih 6,000 kilogram gading gajah, tanduk badak sumbu, sisik tenggiling, taring harimau, tanduk haiwan, tengkorak haiwan dan tulang haiwan bernilai RM80 juta pada sidang media di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pelabuhan Kelang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

“Kali terakhir kes besar pada 2012 membabitkan rampasan 500kg gading gajah RM2.4 juta dan lain-lain rampasan kecil seperti tenggiling dan kura-kura.

“Nilai rampasan dianggarkan RM80 juta tanpa membabitkan duti/cukai,” katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, di sini, semalam.

Zazuli berkata, hasil siasatan mendapati barang dagangan itu adalah untuk negara lain, dan

Malaysia hanya sebagai transit.

## JKDM dapat maklumat

Katanya, kontena terbabit dipercayai akan pindah kapal di Pasir Gudang, Johor, namun JKDM menahannya di sini selepas mendapat maklumat berhubung dagangan itu.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati dua lagi kontena mengandungi kayu bergergaji sepenuhnya dan hanya satu kontena

terdapat dagangan rampasan yang disorok di belakang timbunan kayu itu.

“Kita menahan ketiga-tiga kontena untuk siasatan lanjut. Bagaimanapun, kayu terbabit bukan barang larangan,” katanya.

Zazuli memaklumkan jika dijual dalam pasaran gelap, gading gajah terbabit dijangka bernilai RM8,000 sekilogram, badak sumbu RM288,000 sekilogram dan harimau RM10,000 sekilogram.

Katanya, siasatan mendapati ia adalah barang dilarang pengimportannya bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686), kecuali dengan permit dikeluarkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

“Siasatan ke atas pengimport dan ejen perkapalan masih dijalankan. Kes disiasat mengikut Akta Kastam 1967, iaitu cubaan mengimport barang tidak berkastam atau apa-apa barang larangan mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.

“Jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak kurang daripada 10 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM500,000 mengikut yang mana lebih besar, atau penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Kewangan membekalkan enam unit mesin pengimbas baharu di Pelabuhan Klang yang dipasang secara berperingkat sejak November tahun lalu hingga Mei.

“Hingga kini, Unit II (Selangor) berjaya menyelesaikan 106 kes dan memungut ketirisan hasil RM928,729.08 melalui saringan mesin pengimbas yang baharu.

“Sebanyak 18 kes tidak termasuk kes hari ini, masih dalam siasatan di mana nilai dianggarkan ialah RM3.1 juta dan jumlah duti/cukai dianggarkan sebanyak RM13.79 juta,” katanya.